



PUSAT PEMBANGUNAN AKADEMIK

GARIS PANDUAN MEWAJIBKAN KEPADA KAKITANGAN AKADEMIK MENGIKUTI KURSUS ASAS PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SEBAGAI SALAH SATU SYARAT WAJIB UNTUK DISAHKAN DALAM PERKHIDMATAN DI UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA

1.0 LATAR BELAKANG

Institusi Pengajian Tinggi bertanggungjawab untuk melahirkan modal insan yang kompeten, berinovasi, berdaya saing serta berakhlak mulia untuk memenuhi keperluan negara. Pusat Pembangunan Akademik (PPA) adalah pusat yang bertanggungjawab menjalankan kursus ini. Kursus ini adalah dijalankan untuk kakitangan akademik UPNM. Kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan memantapkan kefahaman kakitangan akademik mengenai kemahiran Pembelajaran dan Pengajaran. Kursus ini juga merupakan syarat tambahan di dalam pengesahan didalam perkhidmatan.

Justeru itu, Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Naib Canselor (EXCO) Bil. 5/2014 yang diadakan pada 9 Oktober 2014 telah meluluskan untuk mewajibkan kepada kakitangan akademik mengikuti Kursus Asas Pengajaran dan Pembelajaran sebagai salah satu syarat wajib untuk disahkan dalam perkhidmatan di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia(UPNM). Oleh hal demikian, syarat umum untuk disahkan dalam perkhidmatan adalah seperti berikut :

- i. Hadir dengan jayanya Kursus Tranformasi Minda
 - ii. Diperakukan oleh Ketua Jabatan
 - iii. Laporan penilaian prestasi tahunan
 - 85% untuk satu tahun perkhidmatan
 - 80% untuk dua tahun perkhidmatan
 - 75% untuk tiga tahun perkhidmatan
-

2.0 OBJEKTIF KURSUS / HASIL PEMBELAJARAN

- i. Peserta boleh melaksanakan proses pengajaran dengan berkesan.
- ii. Memastikan proses pembelajaran dan pengajaran sentiasa dipertingkatkan dari masa ke semasa.
- iii. Mendedahkan peserta kepada kaedah, fungsi, etika serta teknik penulisan akademik dan penerbitan bahan ilmiah mengikut keperluan masa kini.

3.0 MAKLUMAT KURSUS

Kod Kursus	:	DA/DG/DS
Nama Kursus	:	Kursus Asas Pengajaran dan Pembelajaran
Pelaksanaan kursus	:	Cuti semester
Kumpulan Sasaran	:	Kumpulan Pengurusan & Profesional (Akademik)
Jangkamasa	:	6 Hari
Kaedah Pengajaran	:	Ceramah dan Perbincangan
Penilaian	:	Penilaian sepanjang kursus
Penceramah	:	Dalam / Luar

4.0 PENGECUALIAN MENGHADIRI KURSUS

- i. Pensyarah yang telah berkhidmat melebihi 10 tahun keatas.
- ii. Mempunyai Ijazah Sarjana Muda di dalam Bidang Pendidikan (Contoh : Maktab Perguruan)
- iii. Mempunyai Diploma Pendidikan
- iv. Pensyarah yang telah mengikuti setara dengan kursus ini di IPTA lain dan telah mendapat kelulusan daripada pihak PPA.

5.0 PENILAIAN MICRO TEACHING

- i. Peserta perlu menyiapkan tugas individu dalam masa satu (1) minggu
- ii. Peserta akan dinilai oleh penilai cara peserta mengajar di dalam kelas

Pentafsiran markah Micro Teaching adalah seperti berikut :

BIL	MARKAH	BAND	TAHAP PENYAPAIAN
1	1-50	Band 1	Amat Lemah
2	51-65	Band 2	Lemah
3	66-75	Band 3	Sederhana
4	76-85	Band 4	Baik
5	86-100	Band 5	Amat Baik

Disediakan oleh :

Pusat Pembangunan Akademik
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia